

## **Najib Hargai Maklum Balas Pengguna Media Sosial**

**Bernama**

**6 Mei, 2014**

KUALA LUMPUR, 6 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Najib Tun Razak Selasa melahirkan penghargaannya bagi maklum balas yang diterima daripada pengguna media sosial berhubung perdamaian nasional dan pembinaan negara.

Perdana Menteri berkata ia amat menyegarkan bagi menerima maklum balas yang begitu menggalakkan dan konstruktif semasa sesi melepak dengan personaliti popular Facebook semalam.

"Saya juga terharu bertemu pengguna media sosial yang sealiran serta bersedia memberikan sokongan mereka bagi perdamaian nasional dan pembinaan negara," kata Najib dalam entri terbaharu Facebook beliau hari ini.

Najib juga berterima kasih kepada personaliti Facebook berkenaan bagi sesi perjumpaan itu.

Dalam entri itu, perdana menteri berkongsi gambar personaliti Facebook berkenaan iaitu Saiful Nang, Asep Ahmad, Siti Aishah, Dr Bala dan William Cheah.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1036290>